



**REBAB SEBAGAI SIMBOL  
ANTROPOMORPHISME DALAM SENI  
PERSEMBAHAN**

**NURUL NABILA ASYIKIN BINTI MOHD SHARIFF**

UNIVERSITI

MALAYSIA  
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

KELANTAN



**REBAB SEBAGAI SIMBOL  
ANTROPOMORPHISME DALAM SENI  
PERSEMBAHAN**

Oleh :

**NURUL NABILA ASYIKIN BINTI MOHD  
SHARIFF**

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi  
syarat kelayakan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian

Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.  
Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Pelajar

Tandatangan Penyelia Utama

990518066254

PROF. MADYA DR. RAJA

ISKANDAR BIN RAJA HALID

Tarikh:

Tarikh:

Nota \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan kajian saya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan yang bertajuk kajian Rebab Sebagai Simbol Anthropomorphisme Dalam Seni Persembahan.

Kajian saya yang merupakan daripada tugas individu bagi kursus Projek Penyelidikan II CFT4134 yang amat penting buat kami dalam semester ini. Saya ingin mengucapkan ribuan jutaan terima kasih kepada Encik Khairul bin Sezali sebagai responden dan informen yang telah banyak membantu saya dalam mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang saya telah lakukan.

Selain itu, saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Raja Iskandar Bin Raja Halid selaku pensyarah serta penyelia bagi Projek Penyelidikan telah banyak memberi bantuan dari segi mendapatkan rujukan dan bimbingan dan semangat serta banyak membantu meluangkan masa dan memberi tunjuk ajar serta nasihat untuk membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dengan sebaik mungkin.

Terima kasih juga diucapkan kepada ibu bapa kami kerana telah memberi sokongan dan dorongan dalam menyiapkan kajian kami bagi kursus Projek Penyelidikan II CFT4134 dari segi kewangan serta motivasi. Malahan tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas dalam menyiapkan tugas yang telah diberikan. Bantuan dari segi informasi mengenai kajian saya amat dihargai dan sanggup meluangkan masa untuk memberikan sepenuh komitmen sepanjang menyiapkan kajian ini tidak akan dilupakan. Akhir sekali, terima kasih kepada pihak yang telah memberi kerjasama dalam membantu saya secara tidak langsung atau langsung sepanjang kajian yang dijalankan.

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan	I
Isi Kandungan	II-IV
Abstrak	V
Abstract	VI
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Latar Belakang Kajian	4-5
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8-9
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Rumusan	11
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	12-13
2.2 Sorotan Kajian	
2.2.1 Peranan Rebab Sebagai Alat Muzik Bertali Dalam Seni Persembahan	14-15
2.2.2 Rebab Sebagai Simbol Manusia Atau Antropomorphisme	16-17
2.2.3 Adat dan Kepercayaan Dalam Seni Persembahan	18-19
2.2.4 Ritual Atau Pemujaan Dalam Seni Persembahan	20-22
2.3 Rumusan	22

<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	23
3.2 Kaedah Kualitatif	24
3.2.1 Data Primer	25
3.2.2 Data Sekunder	25
3.3 Kaedah Kajian	25
3.3.1 Kaedah Pemerhatian	26
3.3.2 Kaedah Kepustakaan	27
3.3.3 Kaedah Laman Sesawang	27
3.3.4 Kaedah Temubual	28
3.4 Rumusan	29
<b>BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	30
4.1.1 Tempat Kajian	30
4.1.2 Sejarah Rebab	31
4.2 Peranan Rebab Sebagai Simbol Guru Dalam Seni Persembahan	
4.2.1 Mak Yong	32
4.2.2 Main Teri	35-36
4.2.3 Gendang Besar Diraja Kelantan	37
4.2.4 Tarik Selampit	38
4.3 Aspek Antropomorphisme Di Dalam Alat Rebab	39-44
4.4 Kaitan Kepercayaan Ritual Disebalik Pembuatan Rebab	45-51
4.5 Rumusan	51

**BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	52
5.2 Cadangan	53
5.2.1 Mewarisi Kemahiran Keluarga	54
5.2.2 Mengubah Lagu-Lagu Tradisional Kepada Moden	55
5.2.3 Sering Mengadakan Persembahan Yang Melibatkan Alat Muzik Rebab	55
5.2.4 Memperkenalkan Silibus Pendidikan Alat Muzik Tradisional Di Sekolah Dan Institut Pengajian Tinggi	56
5.4 Kesimpulan	57
RUJUKAN	VII-IX
LAMPIRAN GAMBAR	X-XI

## ABSTRAK

Projek penyelidikan ini ditulis adalah bertujuan untuk mengenal pasti alat muzik Kelantan yang semakin pupus ditelan arus pembangunan. Alat muzik yang dikaji ialah alat muzik rebab. Tujuan utama kajian ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada semua lapisan masyarakat terutamanya generasi muda tentang alat muzik tradisional Kelantan. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti aspek antropomorfisme terhadap rebab, peranan rebab dalam seni persembahan di Kelantan dan cara pembuatan serta teknik yang digunakan untuk menghasilkan alat muzik ini. Kajian rebab dijalankan berpandukan dengan sumber maklumat daripada responden dan kajian lepas, walaupun kekurangan kajian lepas kajian ini tetap diteruskan. Pelbagai kaedah digunakan untuk menjalankan projek penyelidikan ini untuk menentukan cara yang terbaik bagi menjawab persoalan yang wujud dalam kajian.



## ABSTRACT

This research project was written with the aim of identifying Kelantan musical instruments that are becoming extinct due to development. The musical instrument studied is rebab. The main purpose of this study is to give exposure to all levels of society, especially the young generation, about the traditional musical instruments of Kelantan. In addition, this study was conducted to identify the anthropomorphism aspect of rebab, the role of rebab in performing arts in Kelantan and the manufacturing methods and techniques used to produce this musical instrument. Rebab study was conducted based on information sources from respondents and previous studies, despite the lack of previous studies this study continues. Various methods are used to carry out this research project to determine the best way to answer the questions that exist in the study.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Seni persembahan dan kepercayaan merupakan satu kajian yang saling berkaitan dengan alat muzik di Kelantan. Seni persembahan merupakan persembahan yang menggabungkan pelbagai jenis elemen yang dipentaskan di atas panggung untuk tontonan umum. Antara elemennya adalah teater, tarian dan muzik. Seni persembahan pada asasnya mempunyai tiga elemen penting dan tidak dapat dipisahkan, iaitu persembahan, pentas dan masyarakat penerima. Ia juga adalah satu bentuk pertunjukkan seni yang dilakukan secara langsung kepada penonton atau khalayak ramai yang membabitkan empat elemen iaitu masa, ruang, tempat dan hubungan antara pelaku dan penonton.

Negeri Kelantan Darul Naim adalah negeri yang bersempadan dengan negara Thailand. Hal ini menyebabkan banyak aspek kebudayaan dan corak hidup negara berkenaan mempengaruhi masyarakat di negeri Kelantan, termasuklah loghat pertuturan, makanan, pakaian dan sebagainya. Oleh hal demikian, seni persembahan di Kelantan turut dipengaruhi oleh seni persembahan yang terdapat di Thailand. Kelantan turut kaya dengan khazanah warisan bangsa yang tak lapuk di hujan dan tak lekang dek panas mampu menjadi tarikan pelancong sepanjang zaman. Negeri Kelantan adalah terkenal dengan warisan kesenian dan kebudayaan yang tersendiri. Warisan seni budaya ini juga adalah salah satu cabang pemasaran industri perlancongan negeri Kelantan. Kebudayaan dan kesenian tradisi masyarakat Kelantan boleh dilihat dalam persembahan wayang kulit, rebana kercing, perusahaan perak dan tembaga, wau bulan, kesenian batik, ukir-mengukir dan lain-lain.

Alat muzik mampu menyumbangkan keindahan seni muzik tempatan. Kebiasaannya penghasilan alat muzik tradisional dilhamkan dari sumber alam yang telah dipraktikkan dalam upacara adat yang penuh dengan simbolik sejak zaman dahulu. Antara tumbuhan alam semula

jadi yang digunakan seperti buluh, kayu, daun-daun, kulit binatang, rotan, tembaga dan besi. Bahan-bahan ini menjadi bahan asas bagi membentuk alat muzik terutama alat muzik tradisional. Alat muzik turut memainkan peranan penting dalam persembahan termasuklah dalam persembahan mak yong dan main teri atau main puteri yang berfungsi sebagai ritual, struktur dan dramatik. Fungsi alat muzik dimainkan bagi menandakan tiap-tiap adegan dan pertukaran tempat dalam persembahan tersebut.

Salah satu alat muzik yang penting dalam persembahan mak yong, main puteri, wayang kulit dan seni tarik selampit ialah rebab tiga tali. Rebab atau rabab ialah alat muzik geseran tradisional dalam kumpulan kordofon. Alat muzik tradisional tersebut mempunyai maksud yang tersirat dari segi pembuatan dan bentuk alat muzik tersebut. Rebab merupakan sejenis alat muzik bertali yang berasal dari Afghanistan. Rebab menggunakan penggesek dan mempunyai tiga utas tali daripada dawai logam. Rebab dianggap merupakan keluarga kecapi.

Menurut Mohd. Asrulfaizal Kamaruzaman, Pegawai Kebudayaan Kanan, Universiti Malaya (UM) dan juga merupakan pemuzik tradisional profesional, memberitahu bahawa rebab merupakan tonggak utama bagi kepentingan sesebuah melodi, khususnya dalam persembahan Mak Yong iaitu dalam tarian mengadap rebab. Setiap melodi yang dibunyikan oleh rebab, seolah-olah alat ini berkata-kata kepada pendengar. Kelebihan rebab ini, ia mampu mengartikulasikan nada yang tinggi dan rendah dengan serentak yang mana ini tidak mampu dibuat dengan alat muzik lain. Maka tidak hairan jika rebab menjadi 'pembuka' melodi serta pengenalan dalam persembahan teater Mak Yong. Jelaslah bahawa keistimewaan rebab bukan seperti alat muzik yang lain namun ia lebih luar biasa sehingga mendapat tempat istimewa dalam persembahan Mak Yong.

Menurut Guthrie, S. E. (1997) dalam penulisan *Anthropomorphism: A definition and a theory*, beliau percaya bahawa anthropomorphisme adalah jangkaan yang lebih terarah kepada

“strategi persepsi yang tidak disengajakan” yang mana manusia meneka atau menjangkakan (secara tidak sedar) bahawa rangsangan yang samar-samar atau ketara mempunyai sebab atau bentuk seperti manusia atau berhujah menentang idea bahawa antropomorphisme berasal daripada keselesaan yang diberikannya. Dalam erti kata lain, anthropomorphisme adalah kepercayaan kepada benda atau objek yang mempunyai ciri-ciri seperti manusia. Sebagai contoh alat muzik rebab.

Umum mengetahui dalam upacara buka panggung, berjamu dan tutup panggung yang diadakan dalam persembahan Mak Yong mempunyai hubungan dengan unsur ritual. Upacaraupacara tersebut menunjukkan kepercayaan masyarakat terhadap kuasa luar biasa seperti roh atau semangat dalam mempengaruhi kehidupan manusia. Namun begitu, amalan ini tidak lagi dilakukan kerana ianya bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh itu, kepupusan seni dan budaya yang melibatkan isu-isu seperti ini sering timbul. Kepupusan mengenai sesuatu warisan budaya tersebut berlaku apabila konflik berkaitan kepercayaan agama dan ritual terhadap seni persembahan tersebut seperti Mak Yong yang pernah diharamkan untuk diadakan persembahan di negeri Kelantan kerana didapati mempunyai unsur khurafat dan pemujaan.

Oleh itu tujuan kajian ini dilakukan bagi mengkaji kewujudan rebab sebagai simbol anthropomorphisme atau dalam istilah lain rebab yang dimanusiakan. Terdapat juga kajian yang berkaitan tentang mistik dan spiritual disebalik istilah tersebut. Melalui kajian ini, pengkaji telah menjumpai beberapa kajian mengenai rebab dan kajian-kajian lain yang berkaitan tentang mistik atau pemujaan dalam kalangan masyarakat Melayu dalam persembahan tradisional di Malaysia.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang kajian ini tertumpu di sebuah daerah di negeri Kelantan iaitu di Kampung Laut daerah Tumpat. Isu yang ingin dibangkitkan dalam kajian ini ialah tentang sebab rebab dipanggil sebagai simbol manusia sedangkan ianya merupakan satu alat muzik tradisional seperti alat muzik lain yang terdapat di Kelantan. Kaitan animisme dan elemen mistik dengan alat muzik rebab turut menjadi isu dalam kajian ini. Organologi berkaitan rebab akan dijelaskan secara lebih terperinci termasuk dengan proses pembuatan rebab yang dilakukan. Hal ini kerana, bentuk rebab dari segi pembuatannya dikatakan mirip dengan manusia.

Kesenian ini menjadi tunjang kepada kebudayaan masyarakat Melayu sejak turun temurun lagi. Kesenambungan seni ini boleh dalam bentuk idea yang terkandung di dalamnya, atau boleh juga dalam bentuk seni. realiti sebenar apabila genre itu berterusan. Selain itu, kesenian Melayu turut mengalami berubah mengikut zaman dia hidup. Kesenian Melayu berkembang daripada animisme dan dinamisme, berterusan ke zaman Buddha dan Hindu, sehingga kemasukan Islam secara besar-besaran pada abad ke-13.

Kepercayaan agama Islam sebelum dan selepas khurafat bermakna kepercayaan karut yang bertentangan dengan agama Islam. Kepercayaan ini diwarisi secara turun-temurun, dari satu generasi ke satu generasi. Ia telah menyalahi dasar-dasar ilmu tauhid dan diambil dari sumber yang salah. Kepercayaan ini masih mendapat tempat dalam akidah orang-orang Melayu kerana mereka sudah menganggap kepercayaan itu adalah betul dan meskipun sudah jelas terbukti salah. Anutan tertua masyarakat Melayu ialah animisme. Kedatangan Islam telah menyebabkan berlakunya perubahan yang besar dalam aspek kepercayaan dari alam tahyul dan khurafat. Masyarakat telah diperkenalkan dengan satu konsep akidah yang jelas iaitu akidah tauhid. Masyarakat mula meniggalkan alam mitos dan khayalan dan telah menuju alam pemikiran, akal serta peraturan-peraturan hidup yang jelas.

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan tentang alat muzik rebab. Rebab yang dikatakan juga mempunyai unsur mistik dalam persembahan Mak Yong. Hal ini dikatakan bahawa, pada awal pembukaan persembahan Mak Yong, terdapat satu persembahan yang istimewa iaitu tarian mengadap rebab. Keistimewaan tarian mengadap rebab menyebabkan pengkaji ingin mengkaji dengan lebih mendalam disebalik unsur kepercayaan dengan alat muzik rebab serta kaitannya dalam seni persembahan tersebut.

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai permasalahan yang tersendiri. Masalah yang dihadapi haruslah ditangani dengan cara yang betul berdasarkan pengumpulan data dan fakta agar setiap permasalahan dapat diselesaikan. Permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji dalam membuat kajian ialah mengenai kekurangan maklumat terutamanya mengenai maksud rebab yang disimbolkan sebagai manusia. Oleh sebab itu, pengkaji perlu mendapatkan maklumat secara terus daripada penggiat rebab. Selain itu, tiada rujukan khusus mengenai kenyataan bahawa rebab sebagai simbol anthropomorphisme.

Dalam meniti arus kemodenan ini, masyarakat telah mengetepikan alat muzik tradisional termasuklah rebab tiga tali sebagai salah satu alat muzik tradisional yang amat penting dalam seni persembahan. Pengamatan awal yang telah dilakukan mendapati kemodenan yang wujud menyebabkan masyarakat terutama di Kelantan cenderung memilih alat muzik atau muzik yang lebih moden. Misalnya muzik barat dan muzik Melayu moden.

Meski beberapa kajian dahulu telah dilakukan, namun beberapa kelompongan atau ruang kajian yang boleh dikaji melalui skop yang berbeza. Dalam kajian ini permasalahan yang hendak ditimbulkan adalah kerana kurang kajian yang dilakukan mengenai alat muzik tradisional ini terutama mengenai mengapa rebab dipanggil sebagai simbol seorang manusia. Lompongan kajian terhadap proses pembuatan rebab turut menyebabkan pengkaji ingin mengkaji secara lebih terperinci. Dalam pada itu, tujuan kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui tentang proses tarian mengadap rebab yang menjadi salah satu isu untuk dikaji secara lebih mendalam.

#### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah peranan rebab sebagai simbol guru di dalam seni persembahan Melayu Kelantan?
2. Apakah aspek antropomorphisme di dalam alat rebab?
3. Apakah kaitan kepercayaan ritual disebalik pembuatan alat muzik rebab ?

#### 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti peranan rebab dalam seni persembahan Melayu Kelantan.
2. Mengenalpasti aspek antropomorphisme di dalam alat rebab.
3. Mengenalpasti kaitan kepercayaan ritual disebalik pembuatan rebab.



## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

### **PENGENALAN**

Kepentingan kajian ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat tentang kewujudan alat muzik rebab di Tumpat, Kelantan. Kajian ini diharapkan dapat membantu beberapa pihak dari segi memberi pengetahuan kepada pengkaji bidang pengajian budaya atau seni tari yang mana ia dapat memberi maklumat baru bagi kegunaan kajian-kajian yang akan datang.

#### **1.6.1 Individu**

Selain itu, ia juga boleh dijadikan sebagai sumbangan untuk menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain di masa akan datang. Dengan adanya kajian ini diharapkan ia dapat membantu pengkaji-pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang alat muzik rebab.

#### **1.6.2 Masyarakat**

Kepentingan penyelidikan ini adalah ilmu kajian yang dapat membantu seni persembahan mak yong terus bertapak dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Hal ini berpunca daripada, masyarakat kini tidak mengetahui dan kurang berminat terhadap seni warisan negara sendiri. Seterusnya, sebagai salah satu usaha untuk memperkenalkan alat muzik tersebut kepada masyarakat setempat terutama golongan muda yang semakin kurang memberi perhatian terhadap seni persembahan di Malaysia. Kajian ini juga bermanfaat untuk memberi pendedahan kepada masyarakat terutamanya pada generasi muda yang semakin melupakan Mak Yong yang merupakan salah seni persembahan tradisi di Kelantan serta wujudnya alat muzik tradisional rebab.

### **1.6.3 Institusi**

Dengan adanya kajian ini, ia dapat dijadikan sebagai rujukan ilmiah kepada pelajar yang berminat terhadap alat muzik rebab serta persembahan mak yong. Ini akan memudahkan para pelajar untuk mendapatkan maklumat dan sumber rujukan. Sebagai pelajar seni persembahan, kajian ini amat penting bagi mengetahui tentang alat muzik tradisional ini yang sering dimainkan dalam persembahan Mak Yong terutama ketika tarian mengadap rebab. Selain itu kajian ini juga dijalankan untuk memberi maklumat dan bahan rujukan kepada pihak sekolah, IPTA dan IPTS tentang disebalik maksud pembuatan rebab dalam persembahan Mak Yong.


### **1.6.4 Negara**

Dengan adanya seni persembahan mak yong atau pameran alat muzik tradisional ini, ia dapat memartabatkan lagi seni warisan yang ada di negara kita. Hal ini demikian kerana, rebab terutamanya merupakan sebuah alat muzik yang perlu diketengahkan bagi mempopularkan semula alat muzik tersebut. Kedudukan tradisi ini mampu memberi jaminan agar boleh berkembang dan memberi kepentingan kepada negara. Ia juga boleh dijadikan sebagai sumber ekonomi kepada negara kerana proses pembuatannya yang unik dan mungkin boleh dipasarkan ke seluruh negara untuk mendapatkan permintaan yang tinggi.

## **KESIMPULAN**

Dengan pendokumentasian ini diharapkan alat muzik tradisional rebab tidak akan lapuk ditelan zaman. Kajian ini juga dilakukan bagi memperbanyakkan khazanah alat muzik tradisional di Malaysia. Semoga kajian ini dapat memberi faedah kepada semua pihak dan memberi garis panduan dalam mengenal pasti eksplorasi tarian mengadap rebab yang terdapat pada teater mak yong khususnya di negeri Kelantan.

## 1.7 SKOP KAJIAN



Peta 1: Tumpat, Kelantan

Sumber : Google

Skop kajian menjerumus kepada tajuk yang berkaitan dengan alat muzik tradisional rebab. Alat muzik tradisional ini mempunyai beberapa isu dan menyebabkan pengkaji ingin mengkaji dengan lebih mendalam. Hal ini kerana, alat muzik rebab semakin kurang diberi perhatian dan kurang digunakan kecuali dalam persembahan Mak Yong. Oleh itu, kajian tertumpu kepada beberapa bahagian iaitu bagi mengenalpasti maksud dan simbolik disebalik pembuatan rebab, mengenalpasti kaitan kepercayaan ritual disebalik pembuatan rebab dan mengenalpasti cara dan proses pembuatan rebab.

Kajian yang dilakukan ini diberi perhatian di Kampung Laut yang terletak di dalam Daerah Tumpat, Kelantan. Hal ini kerana, terdapat beberapa orang tempatan yang masih melakukan pembuatan alat muzik tersebut. Pengkaji akan mendapatkan sedikit sebanyak maklumat oleh mereka yang masih mengetahui tentang kewujudan alat muzik rebab.

## 1.8 RUMUSAN

Bab ini membincangkan pengenalan, latar belakang kajian, kepentingan kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian yang membentuk beberapa objektif untuk dicapai. Selain itu, skop kajian turut dimasukkan bagi menjelaskan serba sedikit tentang perkara yang akan difokuskan dalam penyelidikan. Tambahan pula, kerangka teori berserta konsep diterangkan bagi membantu proses kajian dijalankan. Bab yang seterusnya akan membincangkan mengenai kajian-kajian lepas berkaitan penyelidikan ini.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini akan memfokuskan perbincangan ilmiah mengenai kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para penyelidik sebelum ini. Sebelum itu, bab ini merupakan sambungan dari bab 1 iaitu bahagian teori mengenai etnomusikologi yang telah dijelaskan. Teori tersebut mempunyai kaitan dengan kajian yang akan dilakukan serta kajian-kajian yang para sarjana telah jalankan. Pemilihan beberapa orang sarjana tersebut disebabkan faktor kajian yang telah mereka jalankan iaitu dari pembuatan alat muzik, kajian tentang spiritual yang terdapat dalam persembahan dan maksud disebalik setiap persembahan yang dilakukan. Melalui kajian-kajian ini, pengkaji cuba mendapat maklumat yang berkaitan dengan rebab. Namun begitu, terdapat kajian-kajian yang lain turut dijumpai yang saling berkait dengan kajian tentang alat muzik mistik tersebut.

Aspek-aspek yang telah dinyatakan diatas membantu penyelidik untuk melakukan sorotan kajian bagi setiap para sarjana berkenaan. Jika dibandingkan baki beberapa orang sarjana yang tidak dijadikan sorotan dalam bab ini, penyelidik hanya menjadikan ia sebagai rujukan tambahan bagi menambah kefahaman tentang kajian yang dijalankan. Penyelidik berharap bab ini berjaya menghubungkan antara teori etnomusikologi dan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana tersebut. Di samping itu, diharap sorotan kajian ini dapat digunakan sebagai sandaran oleh penyelidik bagi mendapatkan kelompongan ilmu yang pastinya akan dimanfaatkan bagi melengkapkan kajian-kajian tersebut.

Kajian lepas dibuat menerusi sorotan kajian terdahulu yang dijumpai berdasarkan bukubuku yang berkaitan alat muzik tradisional terdapat juga kajian yang diambil melalui laman sesawang yang mempunyai kaitan dengan alat muzik rebab yang digunakan ketika tarian

mengadap rebab dalam persembahan Mak Yong. Tanpa adanya kajian lepas semestinya sukar bagi pengkaji untuk mencari kajian yang pernah dibuat tentang alat muzik rebab.

Namun begitu, dalam soroton kajian lepas masih terdapat lompongan yang tidak diperjelaskan terutamanya dari segi aspek disebalik maksud yang sering diperkatakan tentang rebab yang dilihat sebagai simbol manusia. Hal ini kerana soroton kajian lepas hanya tertumpu kepada proses pembuatan rebab dan penggunaan alat muzik tersebut dalam tarian mengadap rebab. Oleh itu, pengkaji berusaha untuk mencari sumber yang jelas bagi menjawab segala persoalan rebab yang dimanusiakan. Namun demikian, sehingga sekarang tiada kajian peringkat ilmiah lengkap yang dibuat terhadap rebab sebagai simbol antropomorphisme.

## 2.2 SOROTAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS

### 2.2.1 Peranan Rebab Sebagai Alat Muzik Bertali Dalam Seni Persembahan

Majid et al. (2021) telah membincangkan rebab atau rabab yang merupakan salah satu alat muzik tradisional dalam persembahan Mak Yong Kelantan. Ia adalah alat muzik bertali atau kordofon yang dimainkan seperti biola dalam kedudukan menegak. Komponen-komponen itu dipasang bersama-sama dengan rupa tradisional Thailand Selatan dan Kelantan. Namun begitu, ia mendapati kesukaran untuk membuat “Rebab Kelantan” dalam masyarakat moden. Salah satu sebab utama untuk ini adalah kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah. Pengeluaran sangat terhad dan di samping kekurangan pemain Rebab Kelantan, umumnya di Malaysia. Aspek lain ialah kemunculan teknologi baru, yang menghasilkan lebih ramai pengguna berbanding pereka atau tukang dalam pembuatan alat muzik tradisional.

Dalam buku yang dikeluarkan oleh The Department of National Heritage Ministry of Tourism and Culture Malaysia mengatakan bahawa Rebab, iaitu alat muzik rebab berduri tiga bertali, dipercayai berasal dari Kurdistan, utara Iran. Alat rebab asli dikenali sebagai Khawarizm yang menyerupai rebab dan merupakan alat tunduk pertama yang digunakan di Asia Tenggara seperti yang dicatat oleh Al-Farabi dalam bukunya, Kitab al-Musique ak-Kadir. Dipercayai bahawa rebab itu telah wujud sebelum zaman Nabi Muhammad SAW dan dimainkan oleh Raja Sulaiman dan kemudiannya diperbaiki oleh Al-Farabi. Ia dikenali sebagai lyra oleh orang Byzantine sejak abad ke-10 dan ia dipercayai sebagai alat asas yang mempengaruhi perkembangan alat muzik tali tunduk lain di Eropah. Terdapat variasi rebab Melayu yang dipanggil angit cerating yang diperbuat daripada buluh belah, panjangnya dua kaki dan diikat di tepi tin empat segi yang digunakan sebagai muka rebab. Haluan diperbuat daripada buluh dengan talinya diperbuat daripada catgut.

Dalam kajian Majid, beliau ada menekankan tentang kesukaran untuk mendapati alat muzik tiga tali ini kerana terlalu banyak alat muzik moden yang semakin menarik minat

golongan muda. Manakala, dalam kajian oleh Raja Iskandar Raja Halid, beliau lebih mengkaji tentang kaitan gendang dan rebab yang termasuk dalam ciri-ciri alat muzik kordofon. Kajian itu juga ada menerangkan sedikit sebanyak tentang proses dan alat yang digunakan untuk menghasilkan rebab. Dari perspektif yang berbeza The Department of National Heritage Ministry of Tourism and Culture Malaysia, rebab mempunyai banyak variasi dari setiap negara. Namun begitu, pebutannya lebih kurang sama. Dari perbezaan ketiga-tiga kajian tersebut masih belum terdapat kajian tentang rebab yang dijadikan sebagai simbol manusia atau anthropomorphisme. Oleh itu sebagai pengkaji secara fizikalnya, perkembangan Rebab tiga tali di Malaysia dapat dilihat sebagai satu objek seni yang mengandungi kedua-dua unsur yang sering berkaitan iaitu adaptational dan idiosyncratic. Secara adaptasi rebab mempunyai makna simbologi yang tersendiri daripada segi estetikanya yang berhubungan dengan bentuk, hiasan dan struktur fizikalnya.



### 2.2.2 Rebab Sebagai Simbol Manusia Atau Anthropomorphisme

Di dalam konteks muzik tradisi Kelantan, rebab dimainkan bagi mengiringi nyanyian dan dianggap sebagai “guru” di dalam persembahan mak yong. Seperti juga beberapa alat muzik lain di Asia Tenggara, rebab ini “dimanusiakan” atau anthropomorphised dan dipandang tinggi berbanding alat yang lain. Namun, di dalam gendang besar ini, rebab sekadar mengiringi “nyanyian” serunai dan tidak berfungsi secara solo. Kombinasi kedua-dua alat rebab dan serunai ini, yang juga merupakan alat-alat muzik penting di dalam seni persembahan Kelantan tradisional, mengukuhkan lagi “aura kelantan” di dalam membentuk identiti muzik negeri ini. (Raja Iskandar Raja Halid, 2017)

Merujuk jurnal ditulis oleh Lintan Saridewi et al. (2019) mengatakan bahawa bentuk alat muzik rebab dibangunkan daripada tubuh manusia duduk bersila mengikut konsep orang Jawa. Mengikut visualisasi konsep manusia, maka cara membunyikannya ialah dengan duduk bersila. Rebab dipegang dalam keadaan duduk tegak dan haluan digerakkan ke arah ke kanan secara mendatar. Falsafah alat rebab ini mempunyai makna bahawa ia mesti wujud keseimbangan antara hubungan menegak dan mendatar dalam setiap manusia. Hujung atas rebab menghala ke arah manusia beribadat di Tuhannya dan cara dia meleret menunjukkan arah bagaimana seseorang itu berkelakuan dan bertindak terhadap orang lain dalam kehidupan seharian.

Dalam penulisan oleh The Department of National Heritage Ministry of Tourism and Culture Malaysia, turut mengatakan tentang rebab terbahagi kepada empat bahagian iaitu pucuk rebung (kepala) yang merujuk kepada bahagian atas yang kelihatan seperti rebung, leher yang menempatkan pasak untuk tali, papan jari di tengah. dan muka, yang berada di bahagian bawah. Dari segi penerangan tentang pembuatan rebab tersebut, dapat digambarkan bahawa rebab diperbuat seperti manusia yang mempunyai kepala dan badan. Menurut pengkaji, mungkin disebabkan pembuatannya yang sebegitu, ia disimbolkan seperti manusia. Namun dalam kajian

di atas tidak dijelaskan secara terperinci tentang rebab sebagai simbol manusia. Dalam kajian-kajian tersebut menyebutkan tentang komponen rebab tiga tali dalam pembinaannya telah distrukturkan mengikut sistem manusia. Di mana mempunyai kepala, leher, tengkok, muka dan kaki. Manakala ianya perlu dilihat terhadap aspek morfologinya yang asal seperti pemasangan leher, menembusi badan dan dilengkapi dengan kaki. Selain itu, dalam kajian Lintan Saridewi et al. (2019) juga ada mengatakan kedudukan rebab itu sendiri terlihat seperti manusia kerana didirikan secara menegak seperti manusia.



### 2.2.3 Adat dan Kepercayaan Dalam Seni Persembahan

Dalam kajian-kajian di bawah di ambil atas faktor berkaitan dengan rebab yang turut mempunyai latar belakang mistik. Oleh itu, pengkaji mencuba untuk mengkaji kajian tentang seni persembahan yang terdapat di Malaysia yang turut mempunyai latar belakang spiritual tersebut.

Azlina Musa dan Yusmilayati Yunos (2011) telah membincangkan tentang seni persembahan main teri yang turut popular di Kelantan merupakan perubatan orang tua pada zaman dahulu yang wujud berabad lama sebelum kedatangan Islam. Pengaruh animisme dengan pertembungan adat dan kepercayaan Hindu dan Buddha yang telah mendahului kedatangan agama Islam yang unsur-unsur ini telah diserap ke dalam sistem kepercayaan orang Melayu. Main teri memainkan dua fungsi dalam satu masa iaitu sejenis permainan tradisi yang berbentuk hiburan dan perubatan bagi menyembuhkan penyakit-penyakit yang tidak dapat dikesani melalui cara perubatan moden. Dalam perubatan, tradisi Main Teri terdapat gabungan antara unsur Islam dengan unsur magis dan ritual. Cara perubatan main teri, melibatkan hubungan komunikasi dua hala antara alam nyata dan alam ghaib manakala cara perubatan main teri adalah dilakukan di ruang tempat yang terbuka yang boleh disaksikan cara perubatan itu yang dipersembahkan dihadapan khalayak ramai. Melalui pembacaan tentang kajian di atas, main teri lebih kepada rawatan tradisional namun agak tersasar dari kefahaman agama Islam.

Dalam penulisan turut dinyatakan bahawa Endicott menghuraikan perbezaan istilah roh kepada beberapa istilah seperti jiwa dan roh. Untuk tujuan ini, beliau menyatakan bahawa orang Melayu, dapat menyatakan perbezaan antara manusia dan kesatuan alam semesta dari segi satu sistem idea berdasarkan semangat dan prinsip. Penggunaan istilah nyawa menunjukkan pengaruh Hindu-Buddha terhadap sistem kepercayaan masyarakat Melayu yang sinkretik. Bagi orang Melayu, nyawa merujuk kepada nafas atau jiwa. Nyawa juga merupakan istilah yang digunakan oleh pengamal Mak Yong untuk menggambarkan peristiwa muzik dalam Lagu

Menghadap Rebab. Tarian mengadap rebab yang merupakan selingan dalam karya itu, dipanggil nyawa rebab, di mana penyanyi berhenti seketika untuk mengambil nyawa sementara menunggu entri vokal seterusnya. Analisis semangat yang paling ringkas dinyatakan oleh Ghulam Sarwar apabila beliau menerangkan bagaimana jiwa manusia mengandungi semangat dan roh. Roh yang merupakan istilah yang berasal dari pengaruh Arab pra-Islam dan Islam, bagaimanapun, secara ketuhanan kehilangan roh mengakibatkan kematian. Oleh itu, silap mata Melayu tradisional berusaha untuk memulihkan semangat pesakit. Adat dan kepercayaan mengenai 13 Persembahan Mak Yong tertentu secara khusus bertujuan untuk mengimbu kembali semangat yang hilang untuk membolehkan penyembuhan.

Kajian-kajian di atas menunjukkan tentang berlakunya pengaruh animism dan kepercayaan ritual dalam sesebuah seni persembahan atau rawatan tradisional seperti Menora dan Main Teri. Unsur-unsur seperti ini biasanya bagi melancarkan sesuatu persembahan dan seolah-olah memberi semangat kepada para penari atau orang melakukan persembahan tersebut. Ia juga berlaku dalam persembahan Mak Yong di Kelantan yang mempunyai beberapa upacara dalam persembahan tersebut. Namun begitu masih tiada lagi kajian yang dibuat tentang upacara tarian mengadap rebab dalam salah satu persembahan yang terdapat dalam Mak Yong. Hal ini kerana, rebab merupakan alat muzik biasa namun diberi perhatian dalam teater tradisional Kelantan tersebut seolah-olah rebab mempunyai aura yang menggambarkan sesuatu benda yang mempunyai nilai yang tinggi sehingga perlu diadakan tarian mengadap rebab.

#### 2.2.4 Ritual Atau Pemujaan Dalam Seni Persembahan

Dalam kajian lepas yang ditulis oleh Shaipuddin Muhammad dan Aswawi Isa, seni persembahan menora tidak lari dengan pemujaan yang dikaitkan dengan upacara ritual dalam bentuk tarian dan pemujaan semangat dan roh. Upacara pemujaan mempengaruhi kehidupan masyarakat bagi memenuhi pelbagai tujuan. Dalam Islam upacara pemujaan dikaitkan dengan perkara yang boleh membawa kepada syirik dan merosakkan akidah. Menurut sebuah buku terbitan Jabatan Mufti Negeri Melaka, (2012) aktiviti memuja objek tertentu, roh nenek moyang, melakukan upacara menghadirkan roh dan sebagainya termasuk dalam bentuk-bentuk khurafat yang membawa kepada syirik. Hal ini menyebabkan persembahan menora kurang mendapat perhatian kerana mengandungi unsur pemujaan dan bertentangan dengan agama Islam. Kajian ini berfokus kepada unsur-unsur pemujaan di dalam seni persembahan Menora yang masih dipersembahkan di Kelantan oleh komuniti Siam. Menora dipersembahkan sama ada untuk tontonan umum ataupun memenuhi tujuan tertentu. Pada zaman dahulu golongan atasan mengadakan persembahan Menora adalah untuk majlis perkahwinan atau upacara pengkebumian tetapi kini Menora lebih kepada untuk membayar niat sebagai cara berterima kasih kepada semangat kerana mengkabulkan sesuatu permintaan. Terdapat upacara pemujaan yang mempengaruhi persembahan menora antaranya upacara pembukaan, mantera atau jampi, alat-alat muzik yang dimainkan dan busana menora.

Menurut Haizal Dan Hanna Hussaini (1992) pula, terdapat beberapa kisah popular yang sering dipersembahkan dalam persembahan Menora. Antaranya berkisarkan tentang suatu tempat di istana yang berkaitan dengan alam ghaib atau mistik yang terdapatnya unsur-unsur kesaktian. Persembahan itu dinamakan persembahan menorah yang berasal dari Thailand. Upacara menora ini tertumpu kepada pemujaan semangat roh. Upacara memuja roh Menora ini akan dilakukan selama tiga hari tiga malam pada bulan 6 mengikut kalendar Thai. Kedatangan roh-roh yang diseru atau dipuja tersebut akan disambut dengan bacaan doa selamat dan jamuan.

Roh yang dipuja biasanya ialah roh nenek moyang dan roh bagi ahli Menora atau bekas ahli Menora. Mengikut kepercayaan orang Thai, bekas anggota Menora harus mengadakan persembahan Menora tiga atau enam tahun sekali. Sekiranya persembahan Menora bagi tujuan pemujaan roh ini tidak dilakukan, orang yang terlibat akan mendapat penyakit.

Melabuh ajung merupakan satu amalan pemujaan memberikan jamuan kepada semangat. Amalan ini dilakukan sebagai satu penghormatan pengamal ritual kepada semangat yang hadir dalam membantu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Perbuatan melabuh ajung ini juga dilakukan bagi menjaga perhubungan antara dua alam, iaitu alam nyata yang didiami oleh manusia dan alam metafizik yang menjadi tempat tinggal semangat, saka, pendamping, bunian dan roh nenek moyang. Melalui perbuatan melabuh ajung ini, jamuan diberikan bagi memenuhi permintaan sebagai ganti, tebusan atau ganjaran. Ajung yang dilabuhkan ke laut lepas ini biasanya terdiri daripada hidangan tertentu. Hidangan tersebut biasanya terdiri daripada campuran beberapa jenis makanan, telur, haiwan, tumbuhan serta barangan upacara yang lain seperti lilin, setinggi, kain kuning dan sebagainya. Hidangan tersebut akan diletakkan dengan tertib dalam sejenis pengangkutan air seperti perahu atau rakit untuk dilabuhkan ke laut pada hari terakhir upacara dijalankan. (Sharifuddin Zainal et al. 2018)

Dalam penulisan oleh Pan Hui, Chong Shin & Remmy Gedat (2017), upacara pemujaan laut oleh suku Melayu yang dinamakan sebagai semah di Sarawak. Upacara pemujaan laut bermaksud mengadakan aktiviti menyembah “kuasa atau semangat ghaib” di laut untuk memohon perlindungan dan berkat daripada yang Maha Kuasa. Jenis-jenis permintaan perlindungan termasuk tidak ditimpa musibah ketika menangkap ikan di laut, memperoleh hasil tangkapan laut yang banyak, laut tidak bergelora, dihindari dari wabak penyakit dan sebagainya. Pada suatu masa dulu, upacara ini amat penting untuk komuniti Melayu Sarawak yang rata-ratanya bekerja sebagai nelayan. Masyarakat yang terlibat dengan aktiviti pemujaan laut adalah masyarakat yang sumber rezekinya bergantung kuat kepada sumber laut. Walaupun

upacara ini lebih kepada kepercayaan animisme dan bertentangan dengan ajaran Islam, namun ia tetap diadakan demi kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan orang kampung setempat.

Jelaslah bahawa wujudnya aktiviti-aktiviti pemujaan dalam sesuatu kaum walaupun setelah kedatangan agama Islam. Berdasarkan penulisan di atas, pengkaji menyatakan aktiviti pemujaan ini turut berkaitan dengan adat dan budaya kaum tersebut. Namun begitu, setiap upacara pemujaan yang dilakukan mempunyai maksud dan tujuan tertentu seperti bagi melancarkan sesuatu keadaan yang tidak diingini. Walaupun begitu, kajian-kajian boleh dirujuk sebagai kajian yang dikaji terhadap alat muzik rebab.

### **2.3 RUMUSAN**

Walaupun rebab telah dikaji dari beberapa sudut antaranya pembuatan dan maksud setiap komponen yang terdapat pada rebab, namun masih terdapat lompongan dan penjelasan yang kurang tepat khususnya dari segi maksud disebalik penggunaan rebab dalam persembahan Mak Yong, Main Teri, Gendang Besar dan Seni Tarik Selampit. Terdapat pelbagai pendapat yang berbeza dan tidak diperjelaskan dengan terperinci. Info mengenai rebab ini hanya terdapat di dalam keratan akhbar dan tiada lagi ada kajian yang terperinci. Oleh itu, pengkaji berusaha untuk mendapatkan maklumat yang jelas bagi membuat mencapai objektif kajian. Usaha yang dilakukan ini adalah kerana bagi memberi penjelasan khususnya kepada golongan muda supaya mereka dapat mengetahui tentang alat muzik rebab tersebut. Dengan penggunaan jenis teori di atas dapat dijadikan rujukan untuk mengumpulkan bahan bagi melengkapkan objektif kajian.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian untuk mengumpul data dan maklumat bagi mencapai matlamat kajian. Metodologi kajian yang digunakan adalah bersumberkan kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif merupakan penyelidikan yang bergantung pada pandangan dan perspektif pihak responden (Creswell 2012). Kajian kualitatif dipilih kerana pengkaji percaya bahawa melalui sumber kajian ini pengkaji dapat mencari bahan secara terus bagi menjawab segala persoalan yang telah dibuat. Kajian kualitatif yang dipilih ialah analisis dari perpustakaan, analisis laman sesawang, analisis rakaman video, analisis rakaman audio, analisis melalui temu bual serta kajian lapangan.

Manakala bagi kaedah kuantitatif pula tertumpu kepada soal selidik yang dijalankan bagi mengetahui pandangan masyarakat secara umum berdasarkan soalan yang telah dibuat. Penyelidikan kuantitatif juga merupakan pengujian teori yang terdiri daripada pemboleh ubah yang boleh diukur atau dianalisis menggunakan prosedur statistik untuk menentukan sama ada generalisasi yang diramalkan mengikut teori adalah benar (Creswell,2012). Metodologi yang digunakan ini adalah penting bagi memastikan segala objektif dan persoalan yang telah dirangka dapat dibuktikan. Pengkaji juga yakin bahawa melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif ini segala persoalan yang dirangka akan menemui jawapan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



### 3.2 KAEDAH KUALITATIF

Kaedah kualitatif menurut Denzin dan Lincoln (1994), menyatakan bahawa ianya melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus. termasuk penggunaan pendekatan semula jadi untuk menyelidik sesuatu subjek. Penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang berlandaskan kaedah pengumpulan data yang sering digunakan semasa meninjau sesuatu permasalahan sosial. Kaedah kualitatif ini tidak diperolehi melalui proses pengiraan atau statistik tetapi berdasarkan sebuah penelitian. Oleh yang demikian, kaedah ini tidak melibatkan proses kiraan nombor atau formula kira-kira namun sa mementingkan fakta penting untuk diambil kira sebagai data terpenting. Nota lapangan dan diari pengkaji merupakan tunjang utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif Sebagai contoh. bahan bacaan berilmiah. Secara ringkasnya, kaedah kualitatif dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji menggunakan kaedah temu bual, analisis dokumen atau sebarang alternatif lain bagi mendapatkan data yang diperlukan.

Kaedah kualitatif terbahagi kepada kaedah temubual, kaedah pemerhatian, kaedah kepustakaan dan kaedah laman sesawang. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa melalui kaedah kualitatif ini pengkaji telah menggunakan dua data yang berbeza iaitu data primer dan data sekunder.

### **3.2.1 Data Primer**

Data primer merujuk kepada data atau maklumat yang diperolehi sendiri oleh pengkaji dengan cara mendapatkan maklumat secara langsung daripada orang yang arif terhadap seni dikir. Melalui data primer ini pengkaji telah mencari beberapa orang responden yang dikenalpasti dapat membantu memberikan maklumat mengenai rebab. Dalam data primer ini juga pengkaji ingin melihat sendiri proses membuat rebab dan cara permainan rebab yang diadakan supaya pengkaji dapat mengetahui secara jelas tentang alat muzik rebab ini. Jelas menunjukkan menerusi data primer ini pengkaji telah menggunakan dua kaedah iaitu kaedah temubual dan kaedah pemerhatian.

### **3.2.2 Data Sekunder**

Data sekunder pula merujuk kepada data yang diperoleh melalui sumber yang sedia ada. Antaranya ialah buku, jurnal, akhbar, laporan dan sumber dari laman sesawang. Bagi mencari sumber rujukan ini pengkaji telah menggunakan kaedah perpustakaan bagi mencari sumber rujukan seperti buku dan jurnal. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah laman sesawang untuk mencari sumber dalam akhbar dan buku secara atas talian.

## **3.3 KAEDAH KAJIAN**

Penyelidikan memerlukan sejumlah data yang penting dalam sesebuah kajian. Jenis data yang perlu dikumpul bergantung pada jenis permasalahan yang ada. Penyelidik terlebih dahulu perlu memahami permasalahan penyelidikan dengan sedalam-dalamnya agar dia tidak menghadapi kesukaran dalam menentukan jenis dan jumlah data yang diperlukan.

### 3.3.1 Kaedah Pemerhatian

Menurut Anand (2002), kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu secara dimensi kawalan dan secara dimensi penyertaan. Dalam dimensi kawalan, adalah seperti pemerhatian berstruktur dan tidak berstruktur manakala dimensi penyertaan pula jenis-jenis pemerhatian yang terlibat adalah pemerhatian peserta, pemerhatian tidak berserta dan separa peserta.

Dengan itu, pengkaji telah menetapkan untuk membuat pemerhatian secara kawalan iaitu pemerhatian tidak berstruktur bagi memudahkan pengkaji dalam mendapatkan data dan maklumat. Pengkaji menggunakan pendekatan pemerhatian yang mengamati situasi sebenar di mana pengkaji akan mengunjungi ke lokasi kajian di Tumpat, Kelantan bagi mendapatkan maklumat tentang alat muzik rebab ini.

Kajian lapangan adalah teknik penyelidikan yang melibatkan pemerhatian secara langsung serta penglibatan penyelidik dalam sebuah persekitaran sosial yang berskala kecil. Oleh itu, pengkaji akan memfokuskan persekitaran sosial tersebut iaitu masyarakat di Tumpat, Kelantan. Melalui pemerhatian pengkaji dapat megumpulkan maklumat atau data selain soal selidik dan temubual. Pengkaji dapat melihat dan mendengar secara terus cara bermain alat muzik rebab yang terdapat dalam Mak Yong.

Terdapat 2 jenis pemerhatian iaitu pemerhatian sebagai peserta dan pemerhatian bukan peserta. Dalam kaedah pemerhatian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian bukan peserta. Pengkaji menggunakan alat bantuan seperti alat rakaman iaitu kamera video. Melalui kaedah ini juga pengkaji dapat mengumpulkan maklumat secara jelas dan terperinci. Pengkaji telah memilih teknik merekod anekdot iaitu catatan ringkas tentang sesuatu peristiwa yang dianggap penting untuk direkodkan. Bagi melengkapkan kaedah pemerhatian ini pengkaji akan melihat proses pembuatan rebab yang dikatakan mengikut simbol manusia dan bunyi rebab yang sangat istimewa dalam tarian mengadap rebab.

### **3.3.2 Kaedah Kepustakaan**

Pengkaji pergi ke perpustakaan bagi mendapatkan buku-buku yang berkaitan dengan kajian yang hendak dikaji. Di sini pengkaji, dapat menyelaraskan kajian-kajian yang pernah dibuat sama ada ianya berkaitan atau tidak berkaitan dengan tajuk yang hendak dikaji. Sepanjang kaedah ini, pengkaji dapat mengetahui banyak buku-buku yang diterbitkan mengenai alat muzik rebab ini.

Dalam kaedah perpustakaan ini pengkaji telah mendapatkan maklumat melalui pembacaan daripada buku-buku ilmiah dan juga jurnal-jurnal kajian lepas di perpustakaan terutamanya perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Buku yang menjadi rujukan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan hanya berkaitan dari segi proses pembuatan rebab dan tarian mengadap rebab. Ada juga buku yang berfokuskan kepada notasi muzik yang digunakan. Pengkaji juga turut mencari buku rujukan yang berkaitan dengan metodologi penyelidikan terutamanya dari segi pembinaan soalan temu bual. Manakala dari sudut jurnal pula, tiada yang membuat kajian mengenai rebab yang dimanusiakan.

### **3.3.3 Kaedah Laman Sesawang**

Pengkaji juga turut menggunakan kaedah laman sesawang ini untuk mencari buku rujukan secara atas talian. Menerusi laman sesawang ini pengkaji telah mencari maklumat tambahan mengenai isu rebab yang dikatakan sebagai simbol guru dalam seni persembahan di Kelantan menerusi keratan akhbar secara atas talian. Terdapat beberapa isu yang dapat dikaitkan dengan persembahan-persembahan yang menjadikan rebab sebagai alat muzik utama.

### 3.3.4 Kaedah Temubual

Bentuk soalan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah berdasarkan soalan temu bual separa berstruktur iaitu pengkaji akan bertanyakan beberapa set soalan yang ditetapkan untuk semua informen tetapi pada masa yang sama, pengkaji juga boleh mengutarakan beberapa persoalan lain semasa sesi temu bual informen. Hal ini demikian, kerana semasa kajian temu bual bersama para informen, berkemungkinan besar wujud persoalan-persoalan oleh pengkaji berdasarkan maklumat yang diberikan oleh informen dan mengikut keperluan bagi memenuhi objektif kajian.

Kaedah temual ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu berstruktur, separa berstruktur dan tidak berstruktur. Data primer yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui temu bual. Data yang dikumpulkan melalui kaedah primer adalah temu bual yang ditranskrip oleh pengkaji. Transkrip ialah huraian ataupun catatan dalam bentuk penulisan yang terperinci tentang apa yang didengari secara langsung mahupun tidak langsung hasil daripada rakaman audio atau video. Hasil temu bual ini pula dianalisis menerusi transkrip temu bual. Selepas itu, data temu bual akan dipindahkan dalam bentuk maklumat bertaip yang diperolehi daripada informan. Hasil daripada analisis data temu bual ini kemudiannya dipersembahkan dengan menggunakan tema yang diperolehi pengkaji melalui transkripsi data tersebut.

### 3.4 RUMUSAN

Kaedah metodologi merupakan antara kaedah yang terpenting dalam menjalankan penyelidikan. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan dua kaedah yang sering digunakan iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Bagi mendapatkan data yang lengkap, perancangan yang sebaiknya perlu dilakukan supaya dapat memenuhi mampu menepati kehendak dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Kaedah ini juga mampu mengumpulkan data penting yang bertujuan untuk mengetahui tahap persembahan dikir barat dan dikir moden dalam kalangan masyarakat. Melalui penggabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif ini, kajian mengenai persembahann dikir barat dan dikir moden dapat dilakukan dengan lebih sistematik dan pengumpulan data dapat dikumpulkan dengan lebih tepat dan menyeluruh.

## BAB 4

### DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

##### 4.1.1 Tempat Kajian



Gambar 1 : Merupakan tempat pembuatan alat muzik rebab

Lokasi kajian pengkaji tertumpu pada Kampung Laut yang terletak di dalam Daerah Tumpat, Kelantan. Kawasan ini terdapat beberapa tukang pembuat alat muzik yang terkenal. Sebagai contohnya ialah Encik Muhammad Khairul bin Sezali. Contohnya beliau telah berjaya sehingga peringkat antarabangsa dan memasuki pertandingan alat muzik tradisional di Kuala Lumpur dan Pahang. Hal ini kerana beliau memiliki kemahiran menukang dan juga memainkan alat muzik tradisional terutama rebab dan serunai.

Laman Warisan Seni Kampung Laut merupakan sebahagian daripada pembangunan Laman Warisan Kampung Laut yang merupakan usaha sama antara Kerajaan Negeri Kelantan dan dan Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bagi mewujudkan pusat kebudayaan dan kesenian negeri Kelantan untuk meningkatkan sektor perlancongan dan sosio ekonomi di Kampung Laut. Melalui laman warisan ini, kebanyakan warisan tradisi di Kelantan diperkenalkan dan ditumpukan di kampung ini. Sebagai contohnya, rebab, gendang dan rebana kercing. Laman Warisan Kampung Laut dikenali oleh penduduk setempat dengan pembuatan-pembuatan alat muzik tradisional namun begitu, masyarakat luar kurang memberi perhatian terhadap seni warisan di situ. Oleh yang demikian, pengkaji ingin memperincikan kajian serta meningkatkan pengetahuan orang luar mengenai kewujudan seni tersebut.

#### 4.1.2 Sejarah Rebab

Sejarah asal usul rebab bukan dari Kelantan namun ianya universal. Hal ini kerana, rebab mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Er Hu, violib dan celo yang termasuk dalam kategori kordofon. Maksud kordofon ialah alat muzik yang dihasilkan dengan getaran gesekan. Perkataan rebab berasal dari Arab yang bermaksud busur. Selain di Kelantan, rebab turut popular di Indonesia, Turki dan Afghanistan.

Kaedah gesekan yang dikatakan bermula dari empayar Islam dan Byzantine hampir seribu tahun yang lalu adalah dianggap baru jika dibandingkan dengan kelahiran awal lutes di dunia yang dikatakan bermula dari kalangan orang-orang Sumer, kemudiannya Babylon dan Egypt. Setelah itu pada abad kelapan sebelum Masehi ataupun lebih awal lagi, muncul pula sejenis lute yang berleher pendek dan mempunyai bentuk badan yang membujur. Alat ini telah ditemui di Parsi, dikenali dengan nama “barbat” dan merupakan ancestor kepada alat “Ud” seperti mana yang kita fahami dengan istilah “Gambus” iaitu sejenis alat bertali yang terpenting dalam muzik klasik Arab.

Adapun alat fiddles seperti mana yang diketahui umum adalah lules di mana talinya digesek. Ianya merupakan satu ekstensi ataupun lanjutan daripada alat-alat lutes yang dipetik dan sifatnya adalah deriavatif. Zaman keagungan Islam turut membawa alat - alat fiddles ke seluruh pelusuk dun hingga ke negara China dan turut berkembang dengan keadaan bentuk, nama serta fungsi yang pelbagai hasil dari pengaruh setempat.



## **4.2 PERANAN REBAB SEBAGAI SIMBOL GURU DALAM SENI PERSEMBAHAN MELAYU KELANTAN**

Rebab adalah salah satu instrument muzik yang penting dalam persembahan Mak Yong, Menora, Selampit, Main Teri dan Gendang Besar. Peranan rebab untuk mempersembahkan pelbagai cerita yang dapat memukau penonton. Kemahiran dan daya penarik yang dimiliki oleh alunan bunyi rebab dapat menaikkan semangat para pendengar. Bunyinya yang gemersik apabila digesek membuatkan penonton menjadi asyik dengan persembahan-persembahan yang dimainkan oleh rebab. Jika rebab tidak dimainkan dalam persembahan tersebut, ia seolah-olah mencabut nyawa persembahan tersebut.

### **4.2.1 Mak Yong**

Umum mengetahui bahawa rebab memainkan peranan penting dalam persembahan Mak Yong. Mengikut tafsiran Prof. Madya Ghulam-Sarwar Yousof dalam bukunya 'Dictionary of Tradisional South East Asian Theatre' adalah sebuah teater tari Melayu zaman silam yang menggabungkan elemen-elemen ritual, tarian, lakonan, vokal, muzik instrumental, nyanyian dan cerita dalam bentuk formal serta improvisasi. Teater tradisional ini gabungan antara muzik, nyanyian, lakonan, dan tarian termasuklah tarian mengadap rebab. Persembahan ini akan diselang seli dengan lakonan.

Bunyi alunan rebab yang unik dan berbeza telah mendapat tempat dalam Mak Yong sehingga persembahan tersebut dimulakan dengan Lagu Mengadap Rebab. Dalam persembahan tersebut, Tok Minduk yang akan mengetuai ahli kumpulan. Beliau akan memainkan lagu dari 8 hingga 16 bar dan akan diikuti oleh gendang, gong, suara penyanyi solo dan korus.

Upacara buka panggung rebab, ritual penggunaan rebab turut disebut dalam sastera lisan tradisional Melayu yang berkembang di dalam istana melalui teater mak yong. Dalam

persembahan teater mak yong rebab berperanan memberikan melodi dengan iringan penyanyi atau secara solo dengan diringi paluan gendang dan tetawak yang memberi irama. Bagi masyarakat Melayu Kelantan peranan rebab juga digunakan dalam muzik mak yong menjadi hiburan yang masih kekal pada hari ini. Cerita yang disampaikan atau dilakonan termasuklah cerita Dewa Muda dan Raja Gondang diringi muzik rebab. Penggesek rebab atau pemain rebab berperanan sebagai ketua pemuzik di dalam persembahan dan mengetui upacara membuka panggung dengan persembahan menghadap rebab. Terdapat lebih kurang 30 bilangan lagu (Mohamed Ghouse Nasuruddin 2003.50) yang dimainkan dalam persembahan makyung.

Lagu Mengadap Rebab membuka setiap persembahan Mak Yong dengan memohon angin raja atau tuhan dari dalam pesakit atau pelaku. Tanpa ada alunan dari pembuka rebab, iaitu lagu menghadap rebab maka tidak bermulalah persembahan Mak Yong. Berikutan seruan Lagu Menghadap Rebab tentang kerajaan umum, Mak Yong atau permaisuri, kemudian mesti menyanyi kepada raja mengingatkan baginda supaya jangan pergi lama-lama. Kemudian, seorang demi seorang raja memanggil dua orang hambanya yang muncul di arena persembahan. Di jelaslah bahawa, dalam persembahan mak yong, rebab didahulukan sebelum alat muzik lain dimainkan untuk membuktikan bahawa rebab memainkan peranan yang penting dalam persmbahan tersebut. Kedudukan takhta rebab turut boleh dikaitkan dengan tajuk kajian iaitu antropomorphisme.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.2.2 Main Teri

Main puteri merupakan seni persembahan yang memiliki elemen ritus untuk tujuan pengubatan yang diadakan mengetahui punca penyakit serta berusaha menyembuhkan penyakit dengan cara memujuk kuasa-kuasa luar biasa (ghaib) yang dikatakan menyebabkan seseorang itu mendapat penyakit (Mohd Rakbi Mat Daud: 1989:63)

Dalam masyarakat Melayu rebab turut digunakan dalam ritual penyembuhan Main Puteri di Kelantan dan Terengganu untuk situasi penyakit yang diyakini tidak dapat disembuhkan doktor-doktor biasa. Ensemble yang mengiringi Main Pateri terdiri dari rebab sebagai alat muzik utama, sepasang gong, gedombak, sepasang canang dan sepasang kesi. Terdapat juga peminjaman alat dari teater tradisional wayang kulit seperti alat serunai, geduk dan gedombak bergantung kepada babak dan lagu yang dimainkan.

Muzik memainkan peranan dalam menghubungkan manusia dengan alam ghaib seperti dalam persembahan main Peteri, Menora dan Mak Yong. Rebab merupakan alat muzik yang penting dalam mengiringi persembahan-persembahan tersebut terutamanya dalam persembahan Main Peteri. Dalam main Peteri, rebab merupakan alat muzik yang sangat penting dan dimainkan oleh Tok Minduk. Dalam main teri juga pemain rebab turut dikenali sebagai tok minduk yang merupakan ketua muzik dalam persembahan tersebut.

Selain itu, seseorang yang bergelar Tok Peteri atau Tok Teri juga merupakan pemain rebab yang boleh menghubungkan dengan alam ghaib. Dalam persembahan main Peteri tok minduk akan menggesek rebab dan dibantu alat muzik lain untuk memanggil hantu supaya datang untuk mengubati penyakit. Manakala Tok Teri pula akan menjadi pengantaraan diantara manusia dengan alam ghaib.

Alam ghaib ini dipercayai dihuni oleh makhluk halus, jin hantu dan sebagainya mempersembahkan menghubungkan akan merasa marah apabila tidak dipuja dan tidak jamuan kepada mereka. Oleh itu, bagi dan mempersembahkan jamuan kepada mereka, alat muzik

dijadikan sebagai medium pada suatu ketika dahulu sebagai alat perhubungan mereka Sebagai contoh alat muzik rebab bertindak sebagai alat untuk memanggil penghuni- penghuni alam ghaib ini. Selain itu, rebab juga dikatakan mempunyai 'nyawa'. Rebab akan berbunyi dengan sendiri apabila tidak digesek dan rebab ini mempunyai nyawa yang tersendiri.

Upacara Main Teri yang diketuai oleh dua watak utama iaitu Tuan Puteri dan Tok Minduk. Mereka bertanggungjawab bermain rebab dan diiringi oleh paluan gendang ibu dan anak. Upacara ini akan dimulakan dengan bacaan doa selamat serta menampilkan Tok Puteri atau Tok Teri yang mempersiapkan diri sambil membaca doa tertentu manakala Tok Minduk yang dibantu oleh ahli anggotanya akan mengiring main puteri dengan iringan serunai dan rebab, gendang ibu, gendang anak, gedombak ibu, gedombak anak, tetawak dan canang,

Sebagaimana dalam mak yong, persembahan Main Puteri turut dimainkan oleh gesekan rebab yang mempunyai peranan yang penting. Rebab akan digesek dengan tertib dan semasa ia dimainkan tiada sesiapa dibenarkan melintasi dihadapannya. Istilah antropomorphisme turut memainkan peranan dalam Mani Teri. Hal ini dibuktikan apabila rebab yang merupakan lambang gerak mula kehidupan manusia yang murni, tertib dan sempurna dalam kehidupan anggota badan, kemudian dimulakan dengan bacaan ayat al-Quran dan memohon Tuhan sembuhkan pesakit.

### 4.2.3 Gendang Besar Diraja Kelantan

Pasukan Gendang Besar Diraja Kelantan mempunyai sejarah yang panjang dalam Istiadat Diraja dan telah dipersembahkan oleh ahli-ahli yang terdiri daripada pemuzik yang mewarisi kemahiran dari generasi ke generasi yang lain. Pasukan Gendang Besar Diraja Kelantan diketuai oleh ketua pasukan yang dikenali kerana akan sentiasa bersama pasukan memegang keris. Pasukan Gendang Besar Diraja Kelantan digandingkan oleh bomoh. Pasukan Gendang Besar Diraja Kelantan hanya boleh dipersembahkan atas titah Sultan dan ia dilakukan dalam Istiadat Diraja seperti Pertabalan, Istiadat Hari Keputeraan dan Perkahwinan Diraja Sultan. Alat muzik pasukan Gendang Besar Diraja Kelantan hanya boleh dipersembahkan oleh ahli pasukan terpilih. Pemilihan ahli pasukan Gendang Besar Diraja Kelantan adalah secara warisan.

Selain itu, terdapat pesta yang dinamakan sebagai Puja Umur yang akan diraikan setiap tahun di Istana Balai Besar, Kota Bharu, Kelantan. Tujuannya adalah untuk memaklumkan kepada rakyat jelata bahawa terdapat majlis upacara yang penting di istana. Kepentingan gendang besar ini adalah merupakan medium kesinambungan masyarakat dahulu hingga kini. Oleh itu, upacara gendang besar perlu dikekalkan untuk mengekalkan identiti tersebut.

Rebab turut seperti serunai kerana alat muzik berasal dari luar negara. Dalam konteks di Kelantan, rebab sebagai simbol guru kerana mengiringi nyanyian dan persembahan pertama dalam mak yong. Namun, di dalam gendang besar ini, rebab sekadar mengiringi 'nyanyian' serunai dan tidak berfungsi secara solo. Kombinasi kedua-dua alat rebab dan serunai ini, yang juga merupakan alat-alat muzik penting di dalam seni persembahan Kelantan tradisional, mengukuhkan lagi 'aura kelantan' di dalam membentuk identiti muzik negeri ini.

#### 4.2.4 Tarik Selampit

Rebab juga mempunyai fungsi yang amat besar suatu masa dahulu dalam permainan Tarik Selampit yang digunakan oleh Tok Selampit sebagai muzik iringan dengan menyampaikan cerita-cerita hikayat sebagai hiburan kepada masyarakat. Dalam masyarakat dahulu, Tarik selampit merupakan alat hiburan bagi masyarakat dahulu yang tidak mempunyai teknologi seperti hari ini. Tarik Selampit biasanya dimainkan pada waktu malam sebagai aktiviti riadah atau hiburan selepas penat bekerja seharian di ladang atau sawah. Kebiasaannya Tok Selampit akan menyampaikan cerita-cerita hikayat dengan diiringi dengan gesekan rebab. Kebiasaannya cerita yang disampaikan akan bersambung pada malam berikutan kerana cerita hikayat yang disampaikan terlalu panjang dan berepisod mengikut jenis cerita yang dibawa. Pertunjukan sendiri barabab yang bereti bercerita atau berkaba dengan iringan lagu dan bunyi rebab yang digesek oleh pencerita (Syamsudin, 1993:6)

Jelaslah bahawa rebab memainkan peranan yang penting sebagai alat muzik utama dan penggerak dalam mak yong, main teri dan gendang besar. Walaupun dalam persembahan gendang besar rebab perlu dimainkan bersama-sama dengan serunai, namun kepentingan rebab dalam persembahan tersebut masih lagi diutamakan. Oleh itu, disini dapat disimpulkan peranan rebab dalam setiap persembahan adalah hampir sama iaitu merupakan permulaan sesuatu persembahan. Hal ini turut menjadikan rebab dipanggil sebagai simbol guru, simbol manusia atau anthropomorphisme dalam seni persembahan di Kelantan dan ini akan diterangkan secara lebih terperinci pada bahagian objektif yang kedua.

#### 4.3 ASPEK ANTROPOMORPHISME DI DALAM ALAT REBAB



Gambar 2 : Encik Khairul bin Sezali yang merupakan responden bagi kajian ini.

Maksud antropomorfisme merupakan kaitan antara tingkah laku manusia dengan bukan manusia. Dalam erti kata lain, antropomorfisme mempunyai persamaan manusia dengan bukan manusia. Alat muzik yang dikatakan mirip seperti manusia termasuklah rebab. Menurut Encik Khairul Sezali, lihat sendiri melalui struktur rebab jika dipegang secara menegak. Setiap bentuk atau struktur yang ada pada rebab terdapat istilah dalam manusia. Contohnya kepala, leher, badan dan susu. Menurut Encik Khairul lagi, pada zaman dahulu rebab digambarkan seperti seorang wanita. Ia mempunyai kepala, rambut dan istilah susu itu juga datang dari wanita kerana payudara wanita. Alunan bunyi gesekan rebab turut digambarkan oleh suara Wanita yang nyaring dan unik. Di sini jelaslah bahawa struktur yang terdapat pada rebab ada pada manusia.

Rebab merupakan alat yang paling penting dalam muzik Mak Yong. Rebab mempunyai 3 bahagian iaitu pucuk rebung, batang dan muka. Tempurung muka dibuat daripada kayu nangka atau sena dan ditutupi dengan kulit lembu. Terdapat susu pada muka di penjuru kiri. Fungsinya adalah untuk mengimbangkan tekanan udara dalam dan luar. Masa dahulu, tali rebab diperbuat daripada benang besar dan kemudian menggunakan benang kasar. Sekarang pula menggunakan tali gitar, tali gambus atau talibiola. Penggesek rebab diperbuat daripada kayu dan tali tangsi.

Bahagian tempurung penggema bunyi (resonator) dibuat daripada kayu nangka atau merbo. Selain itu, ia juga boleh menggunakan mana-mana kayu yang sesuai dan tidak mudah retak, merekah atau berurat halus. Bahagian tempurung ditebuk 4cm sehingga 5cm pada sebelah dalamnya sebagai tempat taking udara dan berfungsi sebagai peti gema bunyi. Terdapat tiga bentuk takung yang dibuat pada bahagian tempurung rebab iaitu bentuk tempurung kelapa dan tempurung kelapa bertulang. Berikut merupakan struktur bahagian rebab :

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN





Gambar 3 : Rebab

MALAYSIA  
KELANTAN

<b>Bahagian</b>	<b>Fungsi</b>	<b>Lambang</b>
Kepala	Ia dijadikan sebagai pengimbang dengan badan rebab supaya senang untuk melakukan beberapa teknik	Kepala
Batang Suna	Untuk memegang pemulas	Leher
Pemulas	Untuk menala tali Rebab	Telinga
Torak	Merupakan penyambung antara batang suna dengan batang Rebab	Leher
Kemban	Ia dapat menentukan panjang pendek wilayah tali yang akan bergetar bila digesek	Kain kemban
Batang Rebab	Ia merupakan penyambung antara tempurung Rebab dengan bahagian atas. Batang Rebab juga dikenali sebagai fingerboard	Leher
Tempurung	Sebagai pengalun atau penggeman bunyi iaitu resonator	Badan
Pacat	Untuk menyangga tali Rebab ke permukaan tempurung	
Susu	Untuk meredam bunyi	Payudara
Celi	Sebagai pemegang pangkal tali Rebab bahagian bawah	Simpul
Paksi	Merupakan penyambung antara batang, tempurung dan kaki	Tulang belakang
Kaki	Untuk menyangga tempurung dari lantai	Kaki

Jadual 1: Bahagian, fungsi dan lambang Rebab

Rebab mempunyai penggesek yang menjadi pelengkap kepada alat muzik ini. Penggesek rebab diperbuat daripada kayu dan mempunyai tali yang berperanan mengasikkan bunyi apabila digesek. Penggesek rebab berbentuk melengkung dan mempunyai ukiran pada penggesek. Menurut Hamidah Husain melalui bukunya yang bertajuk *Alat Muzik Tradisional* (1995) busur penggesek rebab diperbuat daripada kayu. Bentuk busur adalah melengkung, sesuai menempatkan tali penggesek dan diukir cantik.

Tali penggesek diperbuat daripada selapuk atau serat seludang kelapa (yang masih membalut mayang). Namun kini tali tangsi digunakan kerana mudah diperoleh. Menurut Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh (1995) penggesek ialah alat perintis kepada bunyi iaitu sound intial divide bagi rebab hanya diukur dengan begitu halus dan teliti daripada kayu yang terpilih. Bentuknya adalah seperti huruf 'S' terbalik Tiga tali yang ditegangkan merentasi bahagian utama rebab iaitu tempurung, batang dan kepala rambut yang memiliki nada yang berbeza. Pada zaman silam, tali penggesek diperbuat daripada seluka kelapa. Kini ianya telah digantikan dengan tali tangsi yang halus Secara praktikal, tali penggesek ditegangkan oleh pemain sendiri. Bahan resin digunakan untuk meningkatkan geserannya.

Kepala rebab merupakan bahagian yang teratas yang diperbuat daripada kayu tembusu yang mempunyai saiz 45 hingga 55 cm. Kebiasanya kepala rebab mempunyai motif yang tertentu untuk melambangkan identiti dan falsafah pada rebab. Alat muzik rebab biasanya diukir.

Cheli merupakan salah satu struktur pada badan rebab dan satu nama tempatan yang sering digunakan di Kelantan Dalam ilmu muzikologi ianya dikenali sebagai tail piece dan diukir dari jenis kayu ataupun buluh Terdapat juga yang diperbuat daripada gading gajah atau tanduk (Nik Mustapha bin Nik Mohd Salleh, 1995). Pada bahagian atas, lubang-lubang ditebuk dalam kedudukan jarak lebih kurang 5mm diantara satu lain dan berperanan sebagai pemegang cheli. Cheli dipaku pada bahagian aras permukaan kaki paksi

Kaki Paksi berperanan sebagai spike merupakan bahagian yang dibawah bagi rebab. Kaki paksi akan diukir daripada kayu yang lembut dan dihiasi dengan motif - motif alam yang sesuai bagi kehalusan estetika. Sebuah lubang ditebuk sedalam 4-5 cm dan dimasukkan di bahagian bawah paksi tunggal.

Paksi rebab dikenali sebagai paksi tunggal merupakan tulang belakang kepada keseluruhan struktur alat rebat Paksi rebab akan diukir daripada kayu keras seperti kayu nibung Paksi rebab dipasang secara menegak menembus bahagian dinding bawah dan atas tempurung rebab melalui lubang yang ditebuk Ketegapan rebab ditentukan oleh paksinya.

#### 4.4 KAITAN KEPERCAYAAN RITUAL DISEBALIK PEMBUATAN REBAB

Untuk menghasilkan rebab beberapa peralatan diperlukan. Gambar rajah di bawah menunjukkan beberapa peralatan yang digunakan antaranya mata kikir, caliper, pahat kikir mata tajam saiz besar, pahat kikir mata tajam saiz kecil, pahat mata sama, pahat kuku, kapak dan mata tikam rata. Setiap peralatan ini mempunyai fungsinya dan cirinya yang tersendiri. Oleh itu, pembuat rebab ini menggunakan alatan yang berikut untuk menghasilkan sebuah rebab yang berkualiti.



Gambar 4: Peralatan yang digunakan untuk membuat Rebab

MALAYSIA  
KELANTAN

Nama Alat	Kegunaan
Mata kikir	<p>Kikir pipih tirus</p> <p>Digunakan dalam kerja-kerja am yang melibatkan berbagai jenis kerja yang berlainan. Gigi kikir ini dikelaskan kepada gred kasar, sederhana, halus dan sangat halus. Pada suatu permukaan kikir, giginya dipotong bersilang intan dan terdapat gigi lurus pada kedua-dua belah tepi. Dua pertiga panjangnya dari pangkal berbentuk selari dan satu pertiga panjangnya ke hujung bentuk tirus.</p>
Caliper	<p>Mistar Sorong Nonius (Vernier Caliper)</p> <p>Digunakan untuk mengukur ketebalan suatu benda dan untuk mengukur celah atau diameter lubang pada benda kerja</p>
Pahat	<p>Pahat mata rata</p> <p>Pahat ini biasanya digunakan untuk kerja-kerja am Saiz pahat yang sesuai untuk kerja-kerja am iaitu 25mm lebar dan 200mm panjang sudut mata pahat ini di canai mengikut kekerasan bahan yang hendak dipotong.</p>
Kapak	<p>Kapak baji (membelah)</p> <p>Kapak ini digunakan untuk membelah kayu, dan digunakan untuk memotong memanjang selari dengan urat kayu. Kapak ini mempunyai mata kapak yang mempunyai baji yang lebih besar untuk memudahkan kerja membelah kayu. Bentuk baji yang tebal membuatkan urat kayu terpecah dan memudahkan kerja membelah.</p>
Pahat	<p>Pahat kuku jenis peraut-serong luar</p> <p>Pahat ini biasanya digunakan untuk membuat lurah yang tepat. Ia sesuai digunakan untuk membuat lengkungan di dalam kerja ukir mengukir. Matanya bersaiz antara 3 mm hingga 40 mm.</p>

Jadual 2: Peralatan dan kegunaan untuk membuat rebab

**Bahan yang digunakan dalam pembuatan Rebab :****Kayu yang berkualiti**

Pada dasarnya seluruh komponen Rebab diperbuat daripada kayu. Penggunaan jenis kayu bergantung kepada tujuan pembuat Rebab. Biasanya, kayu jenis lembut seperti kayu Santol digunakan atas tujuan mengukir manakala penggunaan kayu jenis keras seperti kayu Nangka digunakan atas tujuan menghasilkan bunyi yang dikehendaki.

**Proses pembuatan tempurung**

Proses kedua yang digunakan ialah kulit perut lembu atau kerbau dimana bahagian dalam kulit yang nipis akan dikeringkan dan digunakan untuk menutupi tempurung. Oleh itu, kulit perut lembu atau kerbau hendaklah dijemur sehingga kering.

**Tali gitar**

Tali yang sesuai untuk Rebab ialah tali nombor tiga, tali nombor empat dan tali nombor lima. Bahan tali gitar ini, boleh didapati dimana-mana kedai muzik. Terdapat perbezaan dari segi penggunaan bahan pada masa dahulu dan sekarang. Sebagai contoh pada zaman dahulu, Rebab mengandungi bahagian “Torak”. Kegunaan “Torak” ini adalah untuk menyambung bahagian atas dan bahagian bawah batang Rebab. Malah pada masa kini, Rebab kebiasaannya tidak mempunyai bahagian “Torak”. Hal ini kerana, teknik pembuatan dahulu ialah menggunakan mesin larik kaki.

**Proses pembuatan Rebab**

Mengikut kepercayaan dahulu, proses pembuatan Rebab mestilah dimulakan dibahagian kepala terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, cara tersebut telah tidak diamalkan lagi pada hari ini. Secara amnya pembuatan Rebab terbahagi kepada beberapa proses iaitu proses pembuatan kepala, batang rebab, batang serunai, pemulas, tempurung, kaki dan akhir sekali kayu penggesek.

### **Proses pembuatan kepala Rebab**

Kayu dibahagian kepala akan dipotong dengan gergaji mengikut saiz yang dikehendaki. Kemudian kayu dilarik dengan menggunakan mesin larik mengikut reka bentuk yang diinginkan. Kemudian, kertas pasir dan habuk kayu digunakan untuk melicinkan permukaan kayu.

### **Proses pembuatan batang Rebab**

Termin yang diperbuat daripada material aluminium, tembaga atau tanduk akan dipasang dibahagian hujung batang Rebab untuk mengelakkan hujung kayu tersebut daripada pecah. Bahagian batang Rebab akan ditebuk satu lubang untuk memasukkan batang serunai.

### **Proses pembuatan batang serunai Rebab**

Batang serunai dilarikkan dalam bentuk buah 'buton' dan dipasangkan tiga pemulas ke atasnya. Batang serunai ini juga akan dilarik untuk menghasilkan puting sepanjang 4cm untuk disambungkan ke batang Rebab.

### **Proses pembuatan pemulas Rebab**

Pemulas dipasangkan di bahagian batang 'buton' pada batang serunai untuk meregangkan tali. Pemasangan tali dilaraskan pada bahagian yang tepat.

### **Proses pembuatan tempurung Rebab**

Tempurung diperbuat daripada sekeping papan kayu nangka yang diketam sehingga licin permukaannya. Kemudian, kayu ini dipahat sehingga berbentuk seperti tempurung kelapa yang kelihatan seperti bentuk segi tiga dan menirus ke bawah. Seterusnya, badan permukaan tempurung ini ditutup dengan kulit perut lembu atau kerbau yang telah siap dikeringkan. Kulit ini akan diasingkan daripada bahagian isi perut lembu atau kerbau terlebih dahulu sebelum dikeringkan. Untuk proses pemasangan, kulit tersebut perlu direndam dengan air sehingga lembut agar mudah dipasangkan pada permukaan tempurung.



### **Proses pembuatan penggesek Rebab dan tali penggesek**

Penggesek diperbuat daripada kayu dan melengkung sedikit. Tali penggesek dahulunya, diperbuat daripada seloka kelapa tetapi pada masa kini pembuat Rebab banyak menggunakan tali tangsi. Hal ini kerana, dipercayai amat bersesuaian untuk Rebab dan bahan ini senang dan mudah untuk didapati.

### **Pantang Larang Rebab**

Masyarakat Melayu sangat berkait rapat dengan pantang larang. Setiap perkara dalam masyarakat Melayu mempunyai pantang larang yang tersendiri dan dicipta oleh masyarakat Melayu itu sendiri. Pantang larang bagi rebab kepada beberapa jenis iaitu pantang larang ketika proses membuat, ketika dimainkan dan cara penyimpanan alat ini.

### **Proses Membuat Rebab**

Pantang larang yang dicipta oleh masyarakat terdahulu masih diterima dan digunakan dalam masyarakat terutamanya dalam proses pembuatan rebab. Pantang larang yang masih diamalkan oleh pembuat rebab ialah ketika proses menebang pokok untuk mencan kayu. Pantang larang menebang pokok untuk mendapatkan kayu terbaik ialah pembuat rebab dilarang menebang pokok ketika waktu senja dan perlu meminta izin daripada penunggu kawasan tersebut. Sebelum menebang pokok pembuat rebab perlu memberitahu hajat dan niat untuk menebang pokok tersebut. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan kayu yang baik dan kualiti bunyi yang merdu apabila rebab dihasilkan nanti.

### **Sebelum Dan Selepas Digesek**

Rebab akan digesek pada persembahan yang mempunyai ritual seperti Makyung, Main Peteri dan Menora. Rebab mempunyai pantang larang sebelum digesek dan selepas digesek. Pantang larang suatu ketika dahulu sebelum rebab digesek, penggesek rebab perlu meminta izin dan menjampi rebab tersebut agar menghasilkan bunyi yang merdu.

Selain daripada sebelum menggesek rebab, terdapat juga pantang larang selepas menggesek rebab. Pantang larang selepas menggesek rebab, pemain akan menutup dengan jampi dan memohon izin untuk berhenti menggesek. Hal ini bertujuan untuk memberitahu bahawa persembahan rebab akan diberhentikan.

Dalam permainan Main Puteri yang turut terkenal di Kelantan turut menggunakan rebab sebagai pembawa melodi ensembel muziknya. Rahimidin Zahari, (2007) menyatakan bahawa dalam persembahan Main Puteri ini terdapat pelbagai alatan muzik yang digunakan. Antaranya seperti rebab, serunai, tetawak, gendang, dan kesi. Alat-alat muzik ini akan berada di hadapan Tok Teri yang berhadapan dengan Tok Minduk. Menurut beliau juga dalam upacara main teri, rebab merupakan alat muzik yang mempunyai peranan terpenting. Beliau ada menyatakan bahawa rebab akan digesel dengan tertib. Semasa ia dimainkan tiada siapa dibenarkan melintasi dihadapannya kerana rebab melambangkan gerak mula kehidupan manusia yang mumi, tertib dan sempurna dalam kehidupan anggota badan.

MALAYSIA

KELANTAN

### **Pantang Larang Menyimpan Rebab**

Cara menyimpan rebab juga turut mempunyai pantang larang yang masih diamalkan oleh pemain rebab. Cara menyimpan rebab yang masih digunakan iaitu dengan membalut alat muzik rebab ini dengan kain berwarna kuning. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan alat muzik ini dirosakkan (dikhianat) oleh mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan pemain rebab. Selain itu, rebab perlu diletak di tempat tinggi dan disimpan dengan rapi supaya rebab tersebut tidak dilangkah. Pantang larang tidak dibenarkan melangkah rebab masih lagi diamalkan pada hari ini, kerana dipercayai jika dilangkah rebab tidak akan menghasilkan muzik yang indah. Rebab dimuliakan seperti ada nyawa. Namun pantang larang tersebut tidak lagi digunakan pada masa kini.

### **4.5 RUMUSAN**

Secara keseluruhan objektif-objektif di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa maklumat-maklumat yang diperolehi menepati persoalan kajian yang ingin dikaji. Maksud disebalik tajuk projek ini turut dapat memberi maksud dan gambaran berdasarkan kajian yang telah dilakukan. Melalui kajian ini dapat dirumuskan tentang peranan rebab dalam seni persembahan terutama di Kelantan, maksud antropomorphisme dan adakah ritual disebalik proses pembuatan rebab.

## BAB 5

### CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.1 PENGENALAN

Dalam bab terakhir ini pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang perlu diambil kira setelah proses menganalisis ini selesai mengenai kajian rebab sebagai simbol manusia atau anthropomorfisme bagi mendapatkan maklumat yang terbaik untuk menyempurnakan kajian yang dibuat.

Penyelidikan ini juga bermanfaat supaya seni persembahan yang melibatkan alat muzik rebab ini terus dikekalkan sekaligus diperkembangkan kepada generasi yang akan datang. Diharapkan juga seni persembahan ini dapat menarik minat golongan muda untuk belajar dan meneruskan perjuangan golongan terdahulu untuk menaikkan nama negeri Kelantan melalui persembahan tradisional ini.

Selain itu, kajian ini juga dibuat bagi menjelaskan maksud sebenar rebab yang dinyatakan sebagai simbol guru dalam persembahan di Kelantan. Oleh itu, kajian ini akan menerangkan segala persoalan yang sering ditanya-tanya terutama oleh penduduk bukan Kelantan. Hal ini bagi mengelakkan salah faham berlaku terhadap alat muzik tradisional ini dan supaya persembahan yang dimainkan oleh rebab ini diteruskan kepada generasi yang akan datang kerana warisan ini merupakan identiti negara terutamanya negeri Kelantan. Alat muzik ini dapat memberikan pelbagai manfaat kepada industri kreatif jika dikembangkan dengan lebih baik selaras dengan peredaran masa dan juga teknologi.

### 5.3 CADANGAN

Tidak dinafikan sesungguhnya rebab merupakan antara alat muzik yang paling popular dalam seni persembahan tradisional terutamanya di Kelantan. Sememangnya rebab mempunyai keunikan dan daya tarikan yang tersendiri secara tidak langsung mampu memberikan impak yang besar dengan bunyi alunannya yang unik. Namun begitu, mengikuti perubahan era dunia, masyarakat setempat termasuklah anak muda kurang memberi perhatian terhadap alat muzik ini. Mereka lebih gemar untuk mengikuti muzik-muzik barat yang tiada nilainya itu. Menurut cadangan yang diberikan oleh Encik Khairul Sezali, hal ini sememangnya akan menyebabkan hilangnya keaslian yang terdapat dalam lagu atau persembahan yang dimainkan oleh rebab. Generasi muda juga tidak ada keinginan untuk belajar bermain alat muzik tradisional tersebut. Oleh itu, pengkaji akan menyenaraikan beberapa cadangan supaya tradisi memainkan alat muzik rebab ini akan diwarisi oleh golongan muda.

### 5.3.1 Mewarisi Kemahiran Keluarga

Encik Khairul berharap agar orang muda yang lebih berminat main dan menggesek rebab serta belajar membuat rebab. Hal ini kerana dengan memainkan alat muzik rebab ini bukan hanya sekadar pandai main sahaja namun harus pandai membaiki rebab jika rosak. Apabila berlakunya kerosakan kita sebagai pemain yang memainkan rebab harus tahu punca kerosakan dan di bahagian mana yang perlu diperbaiki. Sebagai contoh, bahagian mana yang rosaknya seperti dari segi sound ataupun fizikal rebab itu sendiri. Jadi sebagai seorang yang boleh membaiki alat muzik, kita dapat tahu kerosakan-kerosakan yang berlaku, apa yang perlu ditukar, jika bahagian kulit itu koyak adakah perlu tukar kulit baru, jika semua pecah apakah tindakan yang perlu dilakukan.

Para penggiat juga perlu memberi pendedahan kepada golongan muda terutamanya dalam kalangan ahli keluarga supaya seni tersebut dapat diwarisi. Seni warisan ini akan hidup dan diperkembangkan jika ada pengganti yang dapat mewarisi keistimewaan yang ada pada para pemain rebab. Tanpa pengganti, maka tiada lagi kesenian sebegini dalam kehidupan kita. Hal ini kerana, kebanyakan penggiat rebab berkata, untuk belajar bermain alat muzik rebab agak sukar dan hanya sebilangan yang kecil sahaja yang mampu dan berminat untuk bermain rebab. Dengan pendedahan yang ada mungkin sedikit sebanyak dapat memberi pendedaha tentang keistimewaan rebab. Disamping mempelajari bidang kesenian ini, mereka juga mampu berupaya untuk terus memajukan seni persembahan ini dalam pelbagai cara.

### **5.3.2 Mengubah Lagu-Lagu Tradisional Kepada Moden**

Selain itu, cara untuk menarik minat orang muda untuk bermain rebab adalah menggunakan lagu-lagu moden. Seperti yang kita tahu, anak-anak muda sekarang lebih tertarik kepada lagu-lagu barat dan mereka tidak berminat dengan lagu tradisional. Oleh itu, kita sebagai penggiat yang memainkan rebab, kita boleh menginspirasi lagu-lagu moden sekarang tetapi memainkannya menggunakan rebab. Contohnya, dalam persembahan mak yong kita memasukkan lagu-lagu moden yang akan dimainkan oleh alat muzik rebab. Rebab ini tidak tertumpu kepada lagu-lagu tradisional sahaja, namun lagu-lagu turut boleh dimainkan jika kita mempunyai usaha untuk menarik minat remaja.

### **5.3.3 Sering Mengadakan Persembahan Yang Melibatkan Alat Muzik Rebab**

Seterusnya cara untuk tarik remaja untuk meminati dalam bidang alat muzik tradisional, sering mengadakan persembahan-persembahan yang melibatkan mak yong. Hal ini kerana, persembahan mak yong sesuai untuk ditonton dari semua peringkat umur dan peranan rebab dalam mak yong lebih menonjol berbanding persembahan lain. Apa yang perlu dilakukan ialah mempergiatkan lagi seni persembahan ini dengan menganjurkan pertandingan-pertandingan di peringkat sekolah mahupun IPTA. Dari sini dapat kita lihat masyarakat masih lagi menerima seni persembahan dan alat muzik ini. Disamping itu, secara tidak langsung kita dapat menerapkan nilai-nilai budaya yang positif kepada masyarakat. Jadi pentingnya untuk kita pelihara seni persembahan ini dari terus terkubur begitu sahaja.

### **5.3.4 Memperkenalkan silibus Pendidikan alat muzik tradisional di sekolah dan Institut Pengajian Tinggi**

Pihak Kemeterian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperkenalkan subjek di sekolah-sekolah serta IPT mengenai alat muzik tradisional. Di bawah subjek tersebut, para pelajar boleh mempelajari alat muzik tradisional yang terdapat di Malaysia. Umum pelajar mengetahui mengenai kompang dan peranan kompang, begitulah juga dengan alat muzik tradsisional yang lain. Dengan pendedahan yang ada, pelajar di sekolah dapat pendedahan yang luas mengenai alat muzik tradisional yang lain dan bukan hanya kompang sahaja yang diketahui.

Manakala, apabila di IPT mereka diberi peluang untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai proses pembuatan alat muzik tradisional. Hal ini sedikit sebanyak dapat membuat pelajar lebih menghargai alat muzik tradisional yang ada. Sebagai contoh, pelajar Seni Persembahan di Universiti Malaysia Kelantan, mereka mempunyai kursus di bawah subjek Asas Pembuatan Alat Muzik dan Teknik Pembuatan Alat Muzik. Mereka perlu membuat alat muzik tradisional yang terdapat di Malaysia. Dengan kewujudan kursus ini, mereka dapat belajar proses membuat alat muzik serta memainkan alat muzik tersebut.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



#### 5.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji dapat menyimpulkan benarlah bahawa masyarakat Melayu di Malaysia kaya dengan pelbagai alat muzik tradisional seperti rebana, seruling dan kompang yang mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri dan menjadikan seni warisan ini bertahan sehingga hari ini. Alat tradisional seperti ini perlu dipandang tinggi dan dipelihara sebaiknya agar mengelakkan berlakunya kekurangan terhadap pendedahan alat muzik tersebut yang telah diperkenalkan turun temurun oleh nenek moyang kita. Begitu juga dengan rebab, yang mempunyai nilai keindahannya melalui peranan-peranannya yang dimainkan dalam persembahan Mak Yong, Main Teri, Gendang Besar dan Tarik Selampit. Kepentingan rebab dalam seni persembahan di seluruh Malaysia perlu dititikberatkan agar hiburan tradisional masih lagi mendapat tempat dalam hati masyarakat. Masyarakat Melayu tradisional bukan sahaja melihat rebab sebagai alat muzik atau alat hiburan tetapi turut menjadikan persembahan yang dimainkan rebab sebagai satu elemen atau bahan berkesan dengan penyampaian lagu-lagu yang kaya dengan mesej, nasihat dan pengajaran sekaligus dapat dijadikan pegangan masyarakat Melayu tradisional.

**RUJUKAN**

1. The Department of National Heritage Ministry of Tourism and Culture Malaysia. Mak Yong Malaysian Legacy World Heritage.
2. Jabatan Penerangan Malaysia (2017). Istiadat Pertabalan Ke Bawah DYMM Seri Paduka Baginda YDPA XV.
3. Shaipuddin Bin Muhammad & Mohd Aswawi Bin Isa. Unsur-unsur Pemujaan Di Dalam Persembahan Menora Di Kelantan.
4. Chong Shin & Remmy Gedat (2017). Menyoroti dua tradisi pemujaan laut di Sarawak: Semah dan Kaul.
5. Raja Iskandar Raja Halid (2017). Gendang Besar Diraja Kelantan : Satu Simbol Identiti dan Kekuasaan.
6. Azlina Musa & Yusmilayati Yunos (2011). “simptom-Simptom Penyakit Dalam Main Teri” Satu Kajian Kes Di Kampung Pasir Mas, Kelantan. *Jurnal Melayu* (8) 2011: 233 – 249.
7. Lintan Saridewi, Y. Edhi Susilo & Linda Sitingjak (2019) Interpretasi Permainan Rebab Dalam Teknik Permainan Biola Pada Lagu Yen Ing Tawang Ono Lintang. *Jurnal Tugas Akhir Program Studi S1 Musik*.
8. Haizal & Hanna Hussaini (1992). Menora. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* Bil 4 – 1992.
9. Sharifuddin Zainal, Mohd Kipli Abdul Rahman, & Mohamad Azizul Ibrahim (2018). 'Melabuh Ajung': Signifikasi Kepercayaan Kosmologi Dalam Pembentukan Identiti Teater Tradisional Etnik Pantai Timur Sabah. *Gendang Alam*, Jilid 8.
10. Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2011). Mek Mulong: Antara Persembahan Dan Ritual Perubatan Di Malaysia. *Sosiohumanika*, 4(1).

11. Ghulam-Sarwar Yousof (2010). ISLAMIC ELEMENTS IN TRADITIONAL INDONESIAN AND MALAY THEATRE. *Kajian Malaysia*, Vol. 28, No. 1.
12. Wahab, A. (2017). *Wayang Kulit Kelantan dan Mak Yong (Muzik Tradisional Malaysia)*. Slideshare.net.  
<https://www.slideshare.net/eepapoppins/wayang-kulitkelantan-dan-mak-yong-muzik-tradisional-malaysia>
13. *allaboutibans*. (2016, May 26). Allaboutibans; allaboutibans.  
<https://allaboutibans.wordpress.com/>
14. Super User. (2020, August 13). *i. Mak Yong*. JWN 2020.  
<https://heritage.gov.my/imak-yong.html>
15. MSTAR. (2010, May 13). *Rebab, Mak Yong Bawa Pak Awang Jelajah Dunia*. Mstar.com.my.  
<https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2010/05/14/rebabmak-yong-bawa-pak-awang-jelajah-dunia>
16. FAIZ, F., & FAIZ, F. (2021, January 3). *Rebab alat muzik 'bersusu' yang mistik*. Utusan Malaysia.  
<https://www.utusan.com.my/gaya/sastera/2021/01/rebab-alatmuzik-bersusu-yang-mistik/>
17. *View of Exploring the Potential for Innovative Development of Traditional Musical Instrument*. (2022). Annalsofrscb.ro.  
<https://www.annalsofrscb.ro/index.php/journal/article/view/4462/3582>
18. Macy, C. (2002). Tradition and Concert Music in Malaysia. *Crossroads of Diversity in Southeast Asia Article*, 12, 19.  
<https://digitalcommons.maclester.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1277&context=macintl>

19. Mohd. (2022, June 20). Antropomorfisme dalam Dikir Barat. Dewan Bahasa.

<https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/06/20/4092/>

20. Majid A.Z.A, Suhaily S.S, Sirat D.M., Mutti M.A.I., Abas A., Rizal R. (2021).

Exploring the Potential for Innovative Development of Traditional Musical Instrument. *Annals of the Romanian Society for Cell Biology*, 1099–1108.

<https://www.annalsofrscb.ro/index.php/journal/article/view/4462>



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

LAMPIRAN



